

PRESS RELEASE

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' BERSAMA KANAK-KANAK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Putrajaya, 20 Disember 2016 – Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan Majlis Penyerahan Kelengkapan Sekolah 'Back To School' bersama-sama kanak-kanak yang bersekolah di institusi kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Program ini telah dijalankan di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Putrajaya.

Program ini merupakan program amal yang bertujuan untuk membantu persediaan pelajar-pelajar kurang berkemampuan untuk kembali ke sekolah. Sasaran program ini adalah untuk memberi bantuan peralatan sekolah kepada 500 orang kanak-kanak di bawah jagaan JKM. UNIRAZAK menyediakan kelengkapan persekolahan untuk sesi 2017 yang terdiri daripada pakaian seragam sekolah, kasut, stokin, beg sekolah dan juga alat tulis.

Objektif utama program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan golongan yang memerlukan ini dalam membuat persediaan sesi persekolahan 2017 dengan kelengkapan persekolahan yang mencukupi. Selain itu, ia dapat menggalakkan kanak-kanak supaya lebih bersemangat untuk kembali ke sekolah.

Prof. Datuk Seri Dr. Md. Zabid Hj Abdul Rashid, Presiden & Naib Canselor UNIRAZAK berkata, pendidikan merupakan asas yang sangat penting untuk mengubah kehidupan seseorang. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi bukan sahaja untuk mendapatkan segulung ijazah, tetapi ianya amat penting untuk mencorak kehidupan kita di masa hadapan dan bagaimana boleh menyumbang dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Majlis penyerahan kelengkapan sekolah ini disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam ucapan YB Dato' Sri Rohani, beliau menggalakkan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk

mengadakan program bersama dengan Kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Tambahannya lagi, sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata malah beliau menggalakkan kita untuk meluangkan masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual dapat menjana perubahan serta memberi impak yang baik kepada kanak-kanak. Jalinan perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara Kerajaan dengan sektor korporat dan pertubuhan sukarela adalah selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”.

Turut hadir bagi menjayakan program ini ialah YBhg. Dr. Rose Lena Binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM dan YBhg. Dato' Hj Zulkipli b. Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Prof. Dr. Samsinar Md. Sidin, Timb. Naib Canselor (Academik & Hal Ehwal Pelajar) serta wakil-wakil daripada KPWKM dan UNIRAZAK.

Mengenai Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)

Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) telah ditubuhkan pada 18 Disember 1997 sebagai salah satu universiti swasta pertama di Malaysia. Universiti ini di beri nama sempena Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham YAB Tun Abdul Razak bin Dato 'Hussein, dan dilancarkan secara rasmi pada 21 Disember 1998 oleh anak sulung Tun Abdul Razak, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang pada ketika itu merupakan Menteri Pendidikan. Pada 1 Mac 2007, Yayasan Pelajaran Tun Abdul Razak Education Foundation telah mengambil alih Universiti Tun Abdul Razak Sdn. Bhd. (Pemilik Universiti Tun Abdul Razak) dari KUB Malaysia Berhad.

Sejak penubuhannya, UNIRAZAK adalah antara beberapa institusi pengajian swasta pertama di Malaysia yang menerima pensijilan SIRIM ISO 9001: 2000. Selain itu, Universiti ini juga telah dianugerahkan status berprestij Multimedia Super Corridor (MSC), yang merupakan bukti komitmen Universiti untuk mengintegrasikan teknologi dan inovasi dalam teknik pengajaran dan pembelajaran. UNIRAZAK telah dengan cepat meletakkan dirinya sebagai pusat utama untuk pendidikan dalam usaha melahirkan graduan yang berdaya saing dan mampu itu.

UNIRAZAK menawarkan program-program unik dan khusus yang pakar dalam 15 program baru yang inovatif seperti Perakaunan Profesional, Percukaian, Insurans, *Retail & Hypermarket*, Perancangan Kewangan Islam, Kerajaan & Dasar Awam, dan lain-lain.

Untuk maklumat lanjut, sila layari - www.unirazak.edu.my

Pertanyaan Media:

ASRUL FITRI BIN ALIAS

Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Strategi Korporat & Komunikasi
Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)

Email : asrul@unirazak.edu.my

Pejabat : 03 – 2730 7048

H/P : 014 – 233 4020